

# REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN

Light Kaolin/ Light Magnesium Carbonate/Sodium Bicarbonate/Pectin (1g/250mg/250mg/21.6mg per 5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN
2. Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN berfungsi
3. Sebelum mengambil REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN
4. Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN
5. Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN

Untuk rawatan gejala gastrousus yang berkaitan dengan cirit-birit.

## Bagaimana REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN berfungsi

Ubat ini mengandungi Light Kaolin untuk membantu menghilangkan bahan toksik daripada sistem pencernaan dan meningkatkan bahan buangan pepejal. Ia juga mengandungi Light Magnesium Carbonate yang bertindak balas dengan asid gastrik dan Sodium Bicarbonate yang meneutralkan asid perut yang berlebihan. Ia juga mengandungi pektin yang merupakan serat semula jadi.

## Sebelum menggunakan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN

### -Bila tidak boleh menggunakan

Tidak boleh diambil jika anda mempunyai:

- Usus tersumbat
- Kegagalan fungsi jantung atau buah pinggang
- Hipersensitiviti terhadap mana-mana kandungannya
- Hypophosphataemia (tahap fosfat yang rendah di dalam darah)

Tidak disyorkan untuk kanak-kanak kurang daripada 6 tahun.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

*Mengandung dan menyusukan anak*  
Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mengandung, mungkin mengandung atau menyusukan anak.

Doktor anda akan memberi anda beberapa ubat dan garam rehidrasi oral untuk mencegah anda daripada dehidrasi. Oleh itu, pengambilan sebanyak mungkin cecair untuk terapi dehidrasi oral adalah mustahak.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini, termasuk mana-mana yang anda dapatkan tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan anda.

Sesetengah ubat dan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN mungkin berinteraksi antara satu sama lain. Mereka mungkin terjejas oleh REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN atau mungkin menjelaskan cara ia berfungsi.

Ia boleh mengganggu penyerapan ubat lain termasuk:

- antibiotik (cthnya lincomycin, dan tetracycline (untuk merawat jangkitan bakteria)
- iron salts (untuk merawat dan mencegah kekurangan zat besi)
- aspirin (merawat sakit, demam, atau keradangan)
- chloroquine, hydroxychloroquine (untuk mencegah dan merawat malaria)
- phenothiazines (untuk mengurangkan halusinasi dan khayalan yang berkaitan dengan kesihatan mental).

## Cara mengambil REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN

### -Berapa banyak harus diambil

Sentiasa gunakan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN seperti yang ditetapkan oleh doktor anda. Anda perlu rujuk dengan doktor atau ahli farmasi jika tidak pasti.

### Dos biasa

10-20 ml apabila perlu.

### -Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu diambil

Teruskan pengambilan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa mengambil

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga sampai masa untuk mengambil dos seterusnya dan abaikan dos yang tertinggal. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### -Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa telah terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN secara berlebihan mungkin menyebabkan:

- *Hypermagnesemia* (tahap magnesium yang tinggi dalam darah).
- *Hypernatremia* (peningkatan kepekatan natrium darah).
- *Iso-osmotic overload* (tahap natrium dan air yang tinggi)

## Semasa menggunakan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN

### -Perkara yang perlu dilakukan

- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan REXOM<sub>TM</sub> MIST. KAOLIN with PECTIN.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

# REXOM<sup>TM</sup> MIST. KAOLIN with PECTIN

Light Kaolin/ Light Magnesium Carbonate/Sodium Bicarbonate/Pectin (1g/250mg/250mg/21.6mg per 5ml)

## -Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil dos lebih daripada yang disarankan melaikkan diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan ambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi REXOM<sup>TM</sup> MIST. KAOLIN with PECTIN dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

## -Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati ketika memandu atau menggunakan mesin sehingga anda tahu bagaimana kesan REXOM<sup>TM</sup> MIST. KAOLIN with PECTIN terhadap anda.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti semua ubat-ubatan, REXOM<sup>TM</sup> MIST. KAOLIN with PECTIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jika kesan sampingan berterusan, jangan ambil ubat ini dan rujuk doktor.

Beritahu doktor anda jika anda dapati mana-mana kesan sampingan berikut atau mengalami apa-apa kesan lain yang tidak disenaraikan:

- Cirit-birit
- Kerengsaan mukosa

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my)

(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## **Cara penyimpanan dan pelupusan REXOM<sup>TM</sup> MIST. KAOLIN with PECTIN**

### -Penyimpanan

Pastikan penutup ditutup ketat. Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

## -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Ampaian putih berperisa pudina.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Setiap 5ml mengandungi  
Light Kaolin (1g), Light Magnesium  
Carbonate (250mg), Sodium  
Bicarbonate (250mg), Pectin  
(21.6mg).

- Bahan-bahan tidak aktif  
Peppermint oil, Chloroform dan  
Chloroform spirit

### -Nombor MAL

MAL19962485X

## **Pengilang dan Pemegang**

### **Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn.  
Bhd.  
Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, 11900 Penang,  
Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RIMUP**

02/11/2017

## **Nombor Siri**

NPRA(R4/1)161017/00271